



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2020

**PERATURAN KELAYAKAN LANGGANAN SURAT KHABAR
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MALAYSIA**

30 SEPTEMBER 2020

Diedarkan Kepada :
Semua Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Belia dan Sukan
Serta Jabatan / Agensi di bawahnya



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
Secretary General
Ministry Of Youth And Sports
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan



Tel : +603-8871 3017/3018
Faks : +603-8888 8719

Diedarkan Kepada :
Semua Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Belia dan Sukan
Serta Jabatan / Agensi di bawahnya

Ruj. Kami : KBS.400-3/3/1 Jld.3(48)
Tarikh : 30 September 2020

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2020

PERATURAN KELAYAKAN LANGGANAN SURAT KHABAR KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

1. TUJUAN

Peraturan Kelayakan Langganan Surat Khabar Kementerian Belia dan Sukan ini disediakan untuk menyeragamkan peraturan kelayakan langganan surat khabar di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berdasarkan keperluan serta perkembangan akhbar dalam talian.

2. KELAYAKAN LANGGANAN SIARAN ASTRO

- 2.1 YB. Menteri Belia dan Sukan, YB. Timbalan Menteri Belia dan Sukan dan Setiausaha Politik layak diberikan sehingga sepuluh (10) surat khabar;
- 2.2 Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha layak dibekalkan 3 surat khabar utama;
- 2.3 Ketua Jabatan/Bahagian atau pegawai gred 54 ke atas sahaja layak dibekalkan dua (2) surat khabar utama;
- 2.4 Setiausaha Akhbar diberikan kelayakan sebanyak sembilan (9) surat khabar;
- 2.5 Setiausaha Sulit Kanan layak dibekalkan langganan dua (2) surat khabar utama;
- 2.6 Setiausaha Sulit diberikan satu (1) surat khabar utama;

- 2.7 Unit Komunikasi Korporat diberikan kelayakan sehingga lapan (8) akhbar untuk tujuan pemantauan media. Pemantauan media secara atas talian (*online*) amat digalakkan;
- 2.8 Perpustakaan boleh melanggan empat (4) jenis surat khabar utama untuk bacaan umum;
- 2.9 Setiap Jabatan/Bahagian serta lobi KBS boleh melanggan dua (2) jenis surat khabar utama untuk bacaan secara bersama;
- 2.10 Pilihan surat khabar utama ditentukan sendiri oleh pegawai. Akhbar tabloid dan akhbar yang diterbitkan oleh parti politik tidak dibenarkan; dan
- 2.11 Langganan adalah untuk setiap hari kecuali hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

3. PENGESAHAN PENERIMAAN

Bagi tujuan keselamatan, semua surat khabar akan dihantar melalui Bahagian Khidmat Pengurusan. Setiap wakil Bahagian/Unit perlu mengambil akhbar berkenaan dan memeriksa serta membuat rekod terimaan surat khabar.

4. PENGECUALIAN

Bagi pegawai-pegawai yang tidak termasuk dalam kategori di atas dan memerlukan langganan surat khabar atas kepentingan tugas, perlu mendapat perakuan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dan seterusnya mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal Kementerian Belia dan Sukan dengan menggunakan borang seperti di Lampiran A.

5. PEMAKAIAN

Peraturan ini dipakai di Menara KBS sahaja. Peraturan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan, Institut serta agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan tertakluk kepada penerimaan dan peruntukan kewangan yang mencukupi.

6. **TARIKH KUAT KUASA**

Peraturan Kelayakan Langganan Surat Khabar Kementerian Belia dan Sukan ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2020**.

Tandatangan:



(DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB)

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Tarikh: 30 September 2020